



# Factsheet CAT06

## Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 6: aturan penempatan anak atau aturan penjagaan terjamin

Malay | Bahasa Melayu



Dalam aturan penempatan anak atau aturan penjagaan terjamin di bawah *Children and Community Services Act 2004*, seorang **kanak-kanak (child)** secara rasmi dijaga oleh Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Komuniti. **Ibu bapa (parents)** yang anaknya secara rasmi dijaga Ketua Pegawai Eksekutif tidak dikira bekerja mengikut *Working with Children (Screening) Act 2004* apabila menguruskan anak mereka sendiri, misalnya semasa melawat.

### Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang kanak-kanak. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- penjaga anak pelihara, **saudara mara (relative)** yang menjaga, dan penjaga langsung yang lain untuk kanak-kanak yang secara rasmi dijaga oleh Ketua Pegawai Eksekutif, misalnya pekerja asrama atau ibu bapa kumpulan
- **sukarelawan (volunteers)** serta mereka yang bekerja atau diupah bekerja oleh Jabatan Komuniti di rumah tumpangan dan khidmat penjagaan terjamin
- ahli keluarga dewasa yang lain yang ada tugas tertentu berkenaan kanak-kanak yang dijaga
- pekerja kebun, pekerja kebersihan dan tukang masak di pusat penjagaan tempat kanak-kanak tinggal, dan pelajar yang menjalani latihan praktikal (umur 18 tahun ke atas) yang boleh dikatakan tentu ada kanak-kanak semasa mereka bekerja dan mereka ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas biasa.

### Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa exemption untuk kategori ini:

- sukarelawan remaja yang umurnya kurang 18 tahun
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di  
[www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)